

NO SOALAN : 54

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)**

**TARIKH : 12.6.2014
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kenapa kapal-kapal selam yang dibeli oleh kerajaan dikatakan tidak sesuai untuk misi mencari pesawat MH 370 yang hilang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kapal selam pada kebiasaannya adalah tidak sesuai digunakan di dalam operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) kerana SONAR yang terdapat pada kapal selam tidak direka untuk melaksanakan carian dasar atau untuk mengenalpasti objek di dasar laut. Sonar tersebut amat berkesan untuk mencari dan mengenalpasti objek yang terapung dan bergerak di bawah atau di atas air dan yang menghasilkan bunyi, contohnya seperti bunyi enjin, bunyi pergerakan mahupun transmisi sonar. Bagi mencari objek yang berada di bawah permukaan laut, terdapat kaedah lain yang lebih baik seperti menggunakan Kapal *Oceanography Survey* yang dipasang dengan *Deep Towed Side Scan Sonar*, Kapal Penyelamat Khas yang dilengkapi dengan *Autonomous Underwater Vehicle (AUV)* atau Kapal Penyapu Ranjau.